

HUKUM PENGAMALAN DOA BERBENTUK *ISTIGHATHAH*: SUATU ANALISIS BERDASARKAN PIAWAIAN PERBANDINGAN

THE RULING OF PRAYER PRACTICE IN THE FORM OF ISTIGHATHAH: AN ANALYSIS BASED ON COMPARATIVE STANDARDS

**Mohammad Nidzam bin Abdul Kadir¹, Mohamed Fairooz Mohamed Fathillah²,
Muhammad Fakhrur Razi Shahabudin^{3*}**

¹ Jabatan Pengajian Kenegaraan Dan Ketamadunan, Fakulti Ekologi Manusia, Universiti Putra Malaysia, 43400, Malaysia, mnidzam@upm.edu.my

² Jabatan Dakwah dan Usuluddin, Fakulti Pengajian Peradaban Islam, Universiti Islam Selangor, 43000, Malaysia, mfairooz@uis.edu.my

³ Calon PhD, Universiti Islam Selangor, 43000, nurfurqanrazi92@gmail.com

* Corresponding Author: Mohamed Fairooz Mohamed Fathillah, Jabatan Dakwah dan Usuluddin, Fakulti Pengajian Peradaban Islam, Universiti Islam Selangor, 43000, Malaysia, mfairooz@uis.edu.my

ABSTRACT

Umumnya, sudah menjadi kelaziman amalan dalam kalangan Masyarakat Muslim di Malaysia sejak sekian lama telah menggunakan amalan doa berbentuk *istighathah* dalam setiap amalan berdoa secara bersendirian mahu pun berbentuk kumpulan. Kebiasaan ini sekali gus telah mendatangkan pelbagai perspesi dalam kalangan masyarakat dan agamawan, sama ada amalan ini dibenarkan dalam agama atau sebaliknya iaitu bertentangan dengan konsep agama itu sendiri. Pelbagai bentuk amalan telah dibahas dalam artikel ini, justeru artikel ini ditulis bertujuan untuk menilai kembali hukum pengamalan doa berbentuk *istighathah* dan menganalisis piawaian doa berbentuk *istighathah* berdasarkan konsep perbandingan pandangan khilaf para ulama. Kajian ini telah membawa tujuh piawaian perbandingan, antaranya; kesabitan di dalam nas syarak, kebiasaan masyarakat, kejelasan maksud, meminta tolong kepada orang hidup dan mati, tasyabbuh zahir, kegelinciran akidah dan keraguan. Berdasarkan tujuh piawaian tersebut kajian ini membawa kepada sebuah kesimpulan, bahawa amalan doa dalam konteks *istighathah* ini tiada kerugian bagi umat Islam sekiranya ia ditinggalkan. Bahkan, tiada keuntungan bagi umat Islam jika amalan *istighathah* dilakukan kerana dibimbangi berlaku kegelinciran Aqidah. Justeru, pilihan yang terbaik adalah, berdoa kepada Allah secara langsung dan bukan meminta kepada Nabi SAW secara zahir. Ini adalah pilihan yang lebih selamat.

Kata Kunci: Amalan Doa; *Istighathah*; Piawaian; Perbandingan; Penilaian.

ABSTRAK

Generally, it has been a common practice among Muslims in Malaysia for a long time to engage in the practice of supplicatory prayers known as istighathah in both individual and group settings. This practice has generated various perspectives within the community and religious scholars, questioning whether it is permissible within the religion or if it contradicts the fundamental concepts of the faith. Various forms of the practice are discussed in this article, with the aim of re-evaluating the legality of istighathah prayers and analyzing the standards based on a comparative study of the conflicting views among scholars. This study has led to seven criteria for comparison, including adherence to Shariah texts, societal customs, clarity of meaning, seeking assistance from the living and the deceased, external resemblance, slipperiness of belief, and doubt. Based on these seven criteria, the study concludes that the practice of istighathah prayers in the Islamic context does not bring any harm to the Muslim community if abandoned, nor does it provide any benefit if continued. Moreover, there is a concern that it may lead to a slip in belief. To safeguard faith from doubt, the best practice, unanimously agreed upon among Muslims, is to pray and seek help from Allah, rather than seeking assistance from the deceased Prophet Muhammad (peace be upon him) or other deceased Muslims.

Keywords: Practice of Prayer; Seeking Assistance; Standards; Comparison; Evaluation.

Received: July 31, 2024

Accepted: Nov 30, 2024

Online Published: Nov 30, 2024

1. Pendahuluan

Amalan berdo'a kepada Allah SWT merupakan suatu tuntutan ibadat yang diperintahkan ke atas umat Islam (Al-Ghafir : 60). Berdasarkan panduan hadis Nabi SAW pula, do'a memainkan peranan penting. Seheinggakan rasulullah SAW memberi jaminan bahawa do'a orang mukmin pasti akan dikabulkan oleh Allah SWT selagimana ia tidak mengandungi permohonan yang tidak baik. Sabda rasulullah SAW:

“Tidaklah seorang Muslim berdo'a yang tidak mengandungi dosa dan tidak bertujuan memutus silaturahim, melainkan Allah SWT akan mengabulkannya dengan tiga cara: Allah akan mengabulkan doanya sesegera mungkin, Allah akan menyimpan (menjadikannya pahala) baginya di akhirat kelak, dan Allah akan menjauhkan darinya kejelekan.”

(Riwayat Ahmad (11133))

Justeru itu, sebahagian ulama menyifatkan do'a sebagai ubat yang sangat bermanfaat, di samping menjadi penawar bagi segala bencana dan musibah yang menimpa kaum Muslimin. Dalam konteks berdo'a, umat Islam di Malaysia dan juga seluruh dunia sentiasa melakukannya setiap kali selepas mengerjakan solat sama ada berjemaah atau bersendirian. Jika diperhatikan dalam masyarakat setempat, amalan berdo'a memohon keselamatan dan kesejahteraan menjadi budaya beragama yang dilaksanakan ketika kenduri kesyukuran, kelahiran anak, perkahwinan, kematian, permusafiran ke Tanah Suci dan seumpamanya.

Amalan berdoa tersebut diajar oleh guru-guru setempat berpandukan adab dan panduan berdoa yang dianjurkan oleh al-Quran dan sunnah Nabi SAW. Namun di sebalik amalan berdoa yang dianjurkan ini, terdapat satu konsep berdoa yang dinamakan sebagai *istighathah*. Umumnya, *istighathah* merujuk kepada perbuatan meminta sesuatu daripada orang yang telah mati. Sebagai refleksi kepada perbuatan ini, Imam al-Dzahabi di dalam kitabnya *al-Kabair* menyatakan perbuatan memohon pertolongan selain daripada Allah SWT dengan keyakinan bahawa makhluk tersebut mempunyai kekuasaan sendiri yang setara atau melebihi kekuasaan Allah SWT termasuk dalam kategori syirik besar. Ibn Al-Arabi pula di dalam kitab *Tuhfatul Mujahidin* menekankan bahawa *istighathah* kepada selain Allah, walaupun kepada Nabi atau wali, adalah amalan yang bercanggah dengan ajaran tauhid. Disebabkan itu, beberapa polemik hukum telah terjadi mengenai legatimasi konsep *istighathah* dalam kalangan ulama yang terbahagi kepada golongan yang mengharuskan dan melarangnya. Artikel ini bertujuan untuk meneliti pengertian sebenar *istighathah* dan piawaiannya yang perlu diambil kira dalam meneliti keharusan *istighathah* dalam neraca prinsip syarak.

2. Doa

Doa berasal dari kata dasar “د-و-ع” yang maknanya iaitu suatu kecenderungan terhadap sesuatu di dalam diri seseorang yang diungkapkan melalui suara dan kata-kata (Mursalin, 2011). Dalam aspek bahasa, doa merujuk kepada tindakan mengundang, merayu, memelas, mengutarakan, dan meminta. Secara terminologi, doa adalah cara untuk mendekati diri kepada Allah SWT dengan sepenuh jiwa dan raga untuk mengungkapkan suatu permohonan (Awaludin Hakim, 2017). Doa ialah tindakan memohon atau meminta pertolongan dari Allah SWT atas segala harapan. Doa secara umumnya adalah ibadah kepada Allah SWT sesuai dengan firman Allah:

وَقَالَ رَبُّكُمْ ادْعُونِي أَسْتَجِبْ لَكُمْ إِنَّ الَّذِينَ يَسْتَكْبِرُونَ عَنْ عِبَادَتِي سَيَدْخُلُونَ جَهَنَّمَ دَاخِرِينَ ٦٠

Maksudnya:

"Berdoalah kepadaKu, nescaya akan Kuperkenankan bagimu. Sesungguhnya orang-orang yang menyombongkan diri dari menyembah-Ku akan masuk Neraka Jahannam dalam keadaan hina dina". (Surah al-Mukmin: 60)

Imam Hafidh Ibnu Hajar menyatakan bahawa Syaikh Taqi al-Din Subki berpendapat: Yang dimaksudkan dengan doa dalam ayat tersebut adalah doa yang merupakan permohonan, dan ayat berikutnya *'an 'ibaadatiy* menunjukkan bahawa berdoa adalah lebih khusus daripada beribadah, maksudnya jika seseorang sombong dan enggan beribadah, maka dia pasti sombong dan enggan berdoa.

Dengan demikian, ancaman yang serius ditujukan kepada orang yang enggan dan meninggalkan doa disebabkan oleh sikap sombong. Dan siapa yang melakukan tindakan tersebut, iaitu menolak untuk berdoa, maka dia telah murtad. Namun, bagi orang yang tidak berdoa kerana alasan tertentu, dia tidak terkena ancaman tersebut. Meskipun begitu, lebih baik untuk sering berdoa daripada meninggalkannya, kerana terdapat banyak dalil yang menganjurkan berdoa (Ibn Hajar, 1996).

Manakala di dalam hadis, Nabi SAW bersabda:

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ، عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: «لَيْسَ شَيْءٌ أَكْرَمَ عَلَى اللَّهِ تَعَالَى مِنَ الدُّعَاءِ»

Maksudnya:

Daripada Abu Hurairah RA, Nabi SAW bersabda: Tidak ada sesuatu yang paling mulia di sisi Allah daripada doa.

Imam al-Tirmidhi, no hadis 3370, al-Albani: Hadis hasan

Syeikh al-Mubarak Furi menyatakan bahawa makna hadis tersebut adalah tiada ibadah ucapan yang lebih mulia di sisi Allah melainkan doa, kerana perbandingan sesuatu harus selaras dengan substansinya.

Berdasarkan web rasmi Mufti Wilayah Persekutuan *al-Kafi lil al-Fatwa* terdapat empat syarat-syarat asas dalam berdoa, antaranya ialah (Muhammad Shahrulnizam Muhadi, 2018):

- i. Ikhlas ketika berdoa
- ii. Merendahkan hati ketika berdoa
- iii. Menyembunyikan doa
- iv. Memastikan makan, minum dan pakaian kita dari sumber yang halal dan jauh daripada syubhat

Adab-adab doa yang ditunjukkan oleh Nabi dan para sahabat antaranya telah dirakam dalam al-Quran, kitab Adab al-Mufrad dan hadis-hadis Nabi SAW:

1. Ikhlas dalam berdoa hanya kepada Allah. Mulakan doa dengan pujian kepada Allah dan selawat ke atas Nabi SAW.
2. Yakin dalam doa dan husnu *al-dzan* dengan Allah. Serta mendayu dan berulang kali tanpa jemu dalam berdoa
3. Pastikan makanan, minuman dan pakaian dari sumber yang halal. Mengangkat kedua belah tangan ketika berdoa sambil mengadap kiblat ketika berdoa.
4. Jangan bergopoh supaya diterima doa seperti katanya saya telah berdoa banyak kali.
5. Mengulangi doa setiap sesuatu itu dengan tiga kali.
6. Mengembalikan hak orang lain dan bertaubat daripada dosa.
7. Melakukan amar ma'ruf dan nahi munkar
8. Sentiasa berdoa dalam keadaan senang dan susah dan lain-lain

3. *Istighathah*

Istighathah berasal dari lafaz Arab iaitu lafaz (غاث - يغوث - غوثا) yang bermaksud menolong dan membantu. Manakala lafaz (استغاث - يستغيث - استغاثة) bermaksud meminta pertolongan dan meminta bantuan (al-Mu'jam al-'Arabi, t.t). Oleh itu, lafaz *istighathah* bermaksud meminta pertolongan dan meminta bantuan. Manakala dalam istilah pula, *istighathah* ialah meminta sesuatu kepada orang mati (Sirajuddin 'Abbas, 1996). Contohnya seseorang datang ke kubur lalu memohon bantuan daripada jenazah yang berada di dalam kubur. Ada dua lafaz contoh seperti berikut:

“Wahai ahli kubur! Berdoalah kepada Allah agar Allah memberi kemurahan rezeki kepada kami”.

“Wahai ahli kubur! Berilah kemurahan rezeki kepada kami”.

Manakala tawassul ialah berdoa meminta kepada Allah dengan menyebut wasilah tertentu. Contoh tawassul ialah: (K.H.M. Syafii Hadzami, 2015)

“Ya Allah! Dengan kemuliaan Nabi Muhammad SAW maka ampunilah dosa kami”.

“Ya Allah! Dengan kemuliaan insan soleh ini maka berilah rezeki kepada kami”.

Maka perbezaan besar antara *istighathah* dan tawassul ialah zahir lafaz meminta kepada makhluk yang sudah mati dalam *istighathah*. Manakala dalam tawassul, zahir lafaz ialah berdoa meminta kepada Allah.

4. Beberapa Piawaian Dalam Penilaian Terhadap *Istighathah*

Penilaian terhadap *istighathah* tidak boleh dibuat secara tergesa-gesa dengan hanya melihat daripada sudut yang sempit. Memandangkan isu tersebut suatu amalan lama dilakukan sejak dahulu oleh segelintir kecil kumpulan dalam kalangan umat Islam yang mengundang pelbagai pendapat yang kontradik, maka untuk memperolehi suatu gambaran yang holistik mengenai penilaian isu *istighathah*, artikel ini akan mengambilkira beberapa piawaian seperti yang berikut :

- i. Kesabitan di dalam nas syarak
- ii. Kebiasaan masyarakat
- iii. Kejelasan maksud
- iv. Meminta tolong dengan orang hidup dan orang mati
- v. *Tasyabbuh* zahir
- vi. Kegelinciran aqidah
- vii. Keraguan

4.1 Kesabitan Dalam Nas Syarak

Perbuatan doa dengan cara meminta terus kepada Allah adalah sabit dalam nas syarak. Antaranya pelbagai doa dalam nas al-Quran yang dimulakan dengan lafaz wahai Tuhan kami (ربنا). Dalam al-Quran sahaja, terdapat tujuh puluh ayat al-Quran yang dimulakan dengan lafaz ini. Antaranya ialah doa Nabi Ibrahim AS dalam surah al-Baqarah ayat 126 (وَإِذْ قَالَ إِبْرَاهِيمُ رَبَّنَا وَابْعَثْ فِيهِمْ) dan 129 (رَبَّنَا وَأَجْعَلْنَا مُسْلِمِينَ لَكَ) , 128 (رَبَّنَا نَفِّسْ مِنَّا) , 127 (رَبِّ اجْعَلْ هَذَا بَلَدًا آمِنًا رَسُولًا مِنْهُمْ). Nas al-Quran yang utama ialah perintah berdoa kepada Allah SWT. Manakala meminta bantuan kepada orang mati adalah tidak sabit secara soreh (jelas) dalam nas syarak iaitu al-Quran dan riwayat hadis. Namun ada beberapa nas syarak yang difahami sebagai dalil kepada keharusan *istighathah* (Mustafa Abu Yusuf, 1950). Berikut beberapa dalil tersebut dan jawapannya balasny.

DALIL HARUS <i>ISTIGHATHAH</i>	JAWAPAN BALAS
<p>Antaranya nas al-Quran surah al-Nisa ayat 64 menyatakan dengan jelas bahawa orang beriman datang kepada Nabi SAW lalu mereka memohon ampun kepada Allah. Kemudian Nabi SAW. juga memohon ampun kepada Allah untuk mereka</p> <p>وَلَوْ أَنَّهُمْ إِذْ ظَلَمُوا أَنفُسَهُمْ جَاءُوكَ فَاسْتَغْفَرُوا اللَّهَ وَاسْتَغْفَرَ لَهُمُ الرَّسُولُ</p>	<p>Namun begitu, nas al-Quran ini tidak menyatakan bahawa orang beriman perlu meminta daripada Nabi SAW. Nas al-Quran ini memberi panduan agar meminta ampun kepada Allah di sisi Nabi SAW atau di kubur Nabi SAW, bukan meminta kepada Nabi SAW.</p>
<p>Nas al-Quran surah Yusuf ayat 97 adalah tawassul dengan orang yang masih hidup di bumi ini agar orang yang hidup berdo'a kepada Allah</p> <p>قَالُوا يَا أَبَانَا اسْتَغْفِرْ لَنَا ذُنُوبَنَا</p>	<p>Tawassul ini adalah harus dengan kesepakatan para ulama. Ini adalah tawassul dan bukan <i>istighathah</i>.</p>
<p>Nas al-Quran surah al-Anfal ayat 9 menunjukkan permintaan doa atau <i>istighathah</i> kepada Allah</p> <p>إِذْ تَسْتَغِيثُونَ رَبَّكُمْ</p>	<p>Imam al-Qurtubi dalam Tafsir al-Qurtubi menjelaskan bahawa ayat ini menunjukkan pentingnya berdo'a dan memohon pertolongan kepada Allah dalam keadaan darurat. Allah tidak hanya mendengarkan permintaan mereka tetapi juga memberikan pertolongan yang luar biasa melalui malaikat. Ini menunjukkan bahawa Allah adalah satu-satunya sumber pertolongan yang sejati dalam segala kesulitan. Ini adalah <i>istighathah</i> atau meminta kepada Allah, bukan meminta kepada makhluk yang sudah meninggal dunia.</p>
<p>Terdapat nas al-Quran bahawa orang mati syahid adalah hidup:</p> <p>وَلَا تَقُولُوا لِمَنْ يُقْتَلُ فِي سَبِيلِ اللَّهِ أَمْوَاتٌ ۚ بَلْ أَحْيَاءٌ ۚ وَلَكِنَّ لَّا تَشْعُرُونَ</p> <p>Maksudnya: “Janganlah kamu berkata bagi orang yang terbunuh pada jalan Allah bahawa mereka adalah mayat, bahkan mereka hidup akan tetapi kamu tidak menyedarinya”.</p> <p style="text-align: right;">Surah al-Baqarah (2) : 154</p>	<p>Nas al-Quran ini menerangkan bahawa orang mati syahid adalah hidup. Walau bagaimanapun, kehidupan orang mati syahid adalah di sisi Allah, bukan di kalangan manusia:</p> <p>وَلَا تَحْسَبَنَّ الَّذِينَ قُتِلُوا فِي سَبِيلِ اللَّهِ أَمْوَاتًا ۚ بَلْ أَحْيَاءٌ عِنْدَ رَبِّهِمْ</p> <p>Maksudnya: “Dan janganlah kamu menyangka bahawa orang yang terbunuh pada jalan Allah bahawa mereka adalah mayat bahkan mereka hidup di sisi Tuhan mereka...”.</p> <p style="text-align: right;">Surah Aali ‘Imran (3) : 169</p> <p>Dalam menjelaskan maksud 'hidup' di dalam ayat ini, Ibnu Katsir menjelaskan bahawa kehidupan para syuhada adalah kehidupan khusus di alam barzakh, yang tidak dapat disaksikan oleh manusia di dunia. Kehidupan ini melibatkan roh mereka yang menikmati nikmat Allah dan berada dalam kebahagiaan. Justeru, pemisahan alam ini menjadikan orang yang telah mati tidak lagi boleh memberikan bantuan kepada manusia yang masih hidup.</p>

<p>Terdapat riwayat hadis bagaimana orang buta berdoa meminta kepada Nabi SAW.</p> <p>Daripada Uthman bin Hunaif r.a., beliau berkata: "Seorang lelaki buta datang kepada Nabi SAW lalu berkata: 'Wahai Rasulullah, doakan kepada Allah supaya Dia menyembuhkan aku.' Nabi menjawab: 'Jika kamu mahu, aku akan doakan untukmu, dan jika kamu mahu, bersabarlah, itu lebih baik bagimu.' Lelaki itu berkata: 'Berdoalah.' Lalu Nabi SAW berkata kepadanya: 'Pergilah berwuduk, tunaikan dua rakaat solat, kemudian berdoalah seperti ini:</p> <p>'Ya Allah, sesungguhnya aku memohon kepada-Mu dan bertawassul kepada-Mu dengan Nabi-Mu, Nabi rahmat. Wahai Muhammad, sesungguhnya aku bertawassul denganmu kepada Tuhanku agar Dia menunaikan hajatku. Ya Allah, jadikanlah dia sebagai perantara bagiku.'"</p> <p>(Hadis Riwayat Tirmizi, no. 3578, dan Musnad Ahmad, no. 1724</p>	<p>Orang buta ini tidak meminta kepada orang mati sebaliknya meminta kepada Nabi SAW yang masih hidup ketika itu.</p> <p>Tambahan pula, orang buta tersebut menggunakan lafaz "Wahai rasulullah, berdoalah kepada Allah agar menyembuhkanku".</p> <p>Hadis ini menunjukkan bahawa bertawassul dengan Nabi SAW adalah dibenarkan, tetapi dalam kerangka meminta kepada Allah SWT sahaja. Peranan Nabi dalam hadis ini adalah sebagai perantara doa, bukan pemberi hajat. Pandangan ulama sepakat bahawa doa ini mengukuhkan kebergantungan kepada Allah, dan tawassul seperti ini hanya berlaku semasa hayat Nabi SAW atau melalui amalan yang diajarkan oleh Baginda.</p>
<p>Dalam lafaz selawat salam, lafaznya ialah (السلام). Dalam lafaz ini, dhomir khitob digunakan yang bermaksud kamu. Ia menunjukkan bahawa Nabi SAW masih hidup dan kita berinteraksi dengan Nabi SAW macam hidup.</p>	<p>Lafaz ini tidak menunjukkan bahawa harus meminta doa kepada Nabi SAW. Lafaz ini sama dengan ucapan salam kepada ahli kubur yang menggunakan dhomir khitob (السلام عليكم يا أهل القبور) namun kita tidak diajar dalam agama Islam untuk memohon doa kepada ahli kubur.</p>
<p>Riwayat hadis tentang permintaan para makhluk dengan para Nabi pada hari akhirat</p> <p>Hadis yang berkaitan dengan hal ini diriwayatkan dalam Sahih Bukhari (hadis 7412) dan Sahih Muslim (hadis 194). Berikut adalah sebahagian teks hadis yang mengisahkan peristiwa tersebut:</p> <p>"Pada hari kiamat, matahari akan mendekat kepada manusia sehingga mereka hampir tenggelam dalam peluh mereka. Mereka kemudian pergi kepada Adam dan berkata, 'Wahai Adam, engkaulah bapak manusia, Allah telah menciptakan engkau dengan tangan-Nya sendiri, dan Dia telah meniupkan roh-Nya ke dalam dirimu, dan Dia telah memerintahkan malaikat untuk sujud kepadamu. Maka, mohonkanlah syafaat bagi kami dari keadaan ini.' Adam menjawab, 'Aku tidak dapat, aku telah melakukan dosa yang besar dengan memakan buah dari pohon yang dilarang.'</p> <p>Mereka lalu pergi kepada Nabi Musa dan berkata,</p>	<p>Ia tiada kaitan dengan permintaan orang hidup di bumi ini dengan makhluk yang sudah mati. Riwayat hadis ini adalah cerita alam akhirat.</p> <p>Hadis ini mengajarkan kepada kita bahawa pada hari kiamat, apabila manusia berada dalam keadaan yang sangat sulit dan mereka mencari syafaat untuk meringankan penderitaan mereka, mereka akan berpaling kepada Nabi Adam, Nabi Musa, dan Nabi Isa, namun akhirnya mereka akan diarahkan untuk memohon syafaat dari Nabi Muhammad SAW. Syafaat Nabi SAW adalah anugerah Allah untuk umat Islam, dan ia merupakan salah satu rahmat besar yang diberikan kepada Baginda, yang pada akhirnya akan membantu umat Islam keluar dari kesulitan dan memasuki syurga.</p>

<p>'Wahai Musa, engkau adalah rasul yang telah diberikan Taurat oleh Allah, dan engkau juga telah berbicara langsung dengan Allah.' Nabi Musa menjawab, 'Aku tidak dapat, aku telah membunuh seseorang yang tidak seharusnya aku bunuh.' Mereka kemudian pergi kepada Nabi Isa, dan beliau menjawab, 'Aku tidak dapat, aku adalah hamba Allah dan rasul-Nya, tapi pergilah kepada Muhammad SAW.' Mereka pun pergi kepada Nabi Muhammad SAW, dan Nabi Muhammad menjawab, 'Ini adalah utukku, ini adalah syafaatku.'"</p>	
<p>Hadis yang menyatakan agar meminta bantuan para hamba Allah (يا عباد الله أعينوني). Hadis ini diriwayatkan oleh Abdullah bin Mas'ud r.a. bahawa Nabi Muhammad SAW bersabda: “Jika kamu kehilangan sesuatu di padang pasir atau di tempat yang luas, maka serulah: ‘Wahai hamba-hamba Allah, bantulah aku.’ Sesungguhnya mereka (hamba-hamba Allah) itu akan membantu kamu.” (Hadis Riwayat Al-Tabarani dalam Al-Mu’jam Al-Kabir, no. 10518 dan Al-Mu’jam Al-Awsat, no. 9702)</p>	<p>Riwayat hadis ini tidak menunjukkan dengan soreh bahawa ia meminta kepada orang mati. Ini kerana riwayat hadis tersebut menyatakan dengan jelas bahawa terdapat para hamba Allah yang tidak dapat dilihat oleh sebahagian orang bahkan ada riwayat menyatakan bagi Allah para malaikat إن لله ملائكة في الأرض سوى الحفظة ... فليناد أعينوا عباد الله Maka zahir hadis ini menjelaskan bahawa para hamba Allah tersebut adalah para malaikat. Dalam satu riwayat, dinyatakan bahawa seseorang berada di tempat yang tiada orang yang dikenali maka hendaklah seseorang menyeru para hamba Allah.</p>
<p>Terdapat hadis bahawa Nabi SAW memohon ampun untuk umat selepas Nabi SAW wafat حَيَاتِي خَيْرٌ لَّكُمْ تُحَدِّثُونَ وَيُحَدِّثُ لَكُمْ ، وَوَفَاتِي خَيْرٌ لَّكُمْ يُعْرَضُ عَلَيَّ أَعْمَالُكُمْ ، فَمَا رَأَيْتُ مِنْ خَيْرٍ حَمَدْتُ اللَّهَ عَلَيْهِ ، وَمَا رَأَيْتُ مِنْ شَرٍّ اسْتَعْفَرْتُ اللَّهَ لَكُمْ Maksudnya: Kehidupanku baik bagi kalian, Aku berbicara kepada kalian, begitu pun kalian dapat berbicara kepadaku. Dan kematianku juga membawa kebaikan bagi kalian, amalan-amalan kalian akan ditampakkan kepadaku, jika amalan-amalan kalian baik, maka aku akan memuji kalian, dan apabilan amalan-amalan itu jelek, maka aku akan memintakan ampun bagi kalian. Riwayat al-Haithami, no 845</p>	<p>Tiada kenyataan dalam hadis bahawa kita meminta bantuan daripada Nabi SAW. Apa yang dinyatakan dalam hadis ialah Nabi SAW meminta ampun kepada Allah apabila Nabi SAW melihat keburukan.</p>
<p>Riwayat hadis bahawa Nabi SAW hidup dalam kubur. Riwayat Daripada Abu Hurairah r.a. Nabi SAW bersabda: “Para Nabi itu hidup di dalam kubur mereka, mereka mendirikan solat.” (Hadis Riwayat Abu Ya’la, no. 3412; Al-Bazzar, no. 8902; dan disahihkan oleh Al-Albani dalam Silsilah Al-Ahadith As-Sahihah, no. 621</p>	<p>Hadis ini tidak menjadi dalil bahawa harus diminta kepada Nabi SAW selepas wafatnya Nabi SAW. Ini kerana hadis ini menyatakan bahawa Nabi SAW hidup di dalam kubur. Jika harus diminta hajat kepada Nabi SAW, sudah tentu ada sambungan riwayat hadis tersebut agar diminta hajat kepada Nabi SAW. Kehidupan Nabi Muhammad SAW di kubur adalah hayah <i>barzakhhiyyah</i>, yang lebih tinggi daripada kehidupan manusia biasa selepas mati.</p>

	<p>Kehidupan ini melibatkan amal ibadah seperti solat, zikir, dan penerimaan salam umat Baginda. Kehidupan ini tidak membolehkan umat Islam memohon secara langsung kepada Nabi SAW di kuburnya, kerana doa hanya boleh ditujukan kepada Allah SWT.</p> <p>Kehidupan ini adalah tanda kemuliaan dan keistimewaan yang diberikan Allah kepada Nabi SAW, tanpa memberi implikasi bahawa Baginda berfungsi seperti semasa hayat di dunia.</p>
<p>Terdapat riwayat hadis bahawa Nabi SAW menyatakan bahawa mayat mendengar bunyi tapak kasut orang yang beredar. Jika mayat dapat mendengar bunyi tapak kasut maka sudah tentu mayat juga dapat mendengar suara manusia di atas kubur.</p> <p style="text-align: center;">إِنَّ الْمَيِّتَ إِذَا وُضِعَ فِي قَبْرِهِ، إِنَّهُ لَيَسْمَعُ حَقْفَ نَعَالِهِمْ إِذَا انْصَرَفُوا</p> <p>Maksudnya: Bahawasanya mayat setelah diletakkan di dalam kubur maka dia mendengar bunyi geseran kasut orang yang megebumikannya ketika mereka berjalan pulang.</p> <p style="text-align: right;">Imam Muslim, no 2870</p>	<p>Riwayat hadis tersebut tidak menyatakan bahawa Nabi SAW meminta sesuatu kepada mayat atau Nabi SAW menyuruh agar meminta sesuatu kepada mayat.</p> <p>Riwayat hadis hanya menyatakan bahawa mayat mendengar, bukan menyatakan harus meminta sesuatu kepada mayat.</p>
<p>Terdapat riwayat hadis bahawa Nabi SAW bercakap dengan mayat orang kafir.</p> <p>يَا أَبَا جَهْلٍ بِنَ هِشَامٍ يَا أُمَيَّةَ بْنَ خَلْفٍ يَا عَثْبَةَ بْنَ رَبِيعَةَ يَا شَيْبَةَ بْنَ رَبِيعَةَ أَلَيْسَ قَدْ وَجَدْتُمْ مَا وَعَدَ رَبُّكُمْ حَقًّا فَإِنِّي قَدْ وَجَدْتُ مَا وَعَدَنِي رَبِّي حَقًّا " . فَسَمِعَ عُمَرُ قَوْلَ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَقَالَ يَا رَسُولَ اللَّهِ كَيْفَ يَسْمَعُونَ وَأَنَّى يُجِيبُونَ وَقَدْ جِئْتُمُو قَالُوا " وَالَّذِي نَفْسِي بِيَدِهِ مَا أَنْتُمْ بِأَسْمَعِ لِمَا أَقُولُ مِنْهُمْ وَلَكِنَّهُمْ لَا يَقْدِرُونَ أَنْ يُجِيبُوا " . ثُمَّ أَمَرَ بِحِمِّمْ فَسَجَّحُوا فَأَلْقُوا فِي قَلْبِ بَدْرٍ</p> <p>Maksudnya: Wahai Abu Jahal bin Hisham. Wahai Umayyah bin Khalaf. Wahai ‘Utbah bin Rabi’ah. Wahai Syaibah bin Rabi’ah. Adakah kamu semua dapati apa yang dijanjikan oleh berhala-berhala yang kamu sembah itu benar? Maka sesungguhnya aku dapati apa yang Allah janjikan kepada aku itu benar”. Maka Umar yang mendengar perkataan Nabi SAW tersebut lalu berkata: “Ya Rasulallah, bagaimana mereka boleh mendengar dan menjawab pertanyaan kamu itu? Sesungguhnya mayat-mayat mereka sedang mereput”. Jawab Rasulallah SAW: “Demi nyawaku yang berada di dalam kekuasaan-Nya. Apa yang aku katakan ini tidaklah kamu semua lebih mendengar dari mayat-mayat ini dan tetapi mereka tidak mampu menjawabnya”. Rasulallah SAW kemudiannya</p>	<p>Percakapan tersebut bukanlah meminta sesuatu hajat kepada mayat. Maka tiada kesalahan untuk kita bercakap dengan mayat. Bahkan sabit dalam hadis tentang ucapan salam kepada ahli kubur apabila kubur diziarahi. Ia sekadar ucapan salam kepada mayat atau ahli kubur, bukan meminta kepada ahli kubur.</p>

<p>mengarahkan agar di tanam mayat mereka di telaga di Badar.”</p> <p style="text-align: right;">Imam Muslim, no 2874</p>	
<p>Terdapat beberapa riwayat tentang amalan para Sahabat RA. selepas kewafatan Nabi SAW. Contohnya athar diriwayatkan bahawa ‘Abdullah ibn ‘Umar r.a. pernah mengalami sakit pada kakinya. Ketika berdoa agar Allah menyembuhkan kakinya, beliau menyebut nama Nabi Muhammad SAW.</p> <p>Athar ini diriwayatkan oleh Imam Ibn Abi Shaibah dalam Musannaf Ibn Abi Shaibah dan Imam Al-Baihaqi dalam Sunan Al-Kubra.</p>	<p>Athar ini hanya menunjukkan bahawa ‘Abdullah ibn ‘Umar menyebut nama Nabi SAW dan tidak meminta apa-apa kepada Nabi SAW. Imam Ibn Hajar Al-Asqalani (dalam Fath Al-Bari): Menjelaskan bahawa para Sahabat seperti ‘Abdullah ibn ‘Umar r.a. menggunakan doa dengan menyebut nama Nabi SAW sebagai "wasilah" (perantara) untuk menguatkan doa kepada Allah SWT.</p> <p>Ini tidak sama dengan konsep meminta pertolongan langsung kepada Nabi SAW selepas kewafatannya, tetapi lebih kepada menghormati kedudukan Nabi SAW sebagai "syafa'ah" (perantara doa)".</p>
<p>Athar ini diriwayatkan dalam Peperangan Al-Yamamah. Diriwayatkan bahawa ketika Khalid ibn al-Walid r.a. sedang bertempur dalam peperangan tersebut dan keadaan semakin kritikal, beliau menyebut dengan suara tinggi: "Ya Muhammadah!"</p> <p>Lafaz ini merujuk kepada Nabi Muhammad SAW dan digunakan sebagai cara untuk memohon bantuan daripada Allah, dengan pengharapan bahawa pertolongan daripada Nabi SAW melalui keberkatan dan kemuliaan Baginda dapat memberikan kekuatan kepada pasukan Muslimin. Peristiwa ini terdapat dalam riwayat seperti berikut:</p> <p>Al-Tabari dalam Tarikh Al-Tabari (vol. 3) Al-Bidayah wa'l-Nihayah oleh Imam Ibn Kathir, Sunan al-Daraqutni dan al-Sirah al-Nabawiyah oleh Ibn Hisham</p>	<p>Walau bagaimanapun, lafaz ini adalah uslub <i>al-nudbah</i> dan bukan uslub meminta kepada Nabi SAW. Dalam Al-Bidayah wa'l-Nihayah, Imam Ibn Kathir mengaitkan peristiwa ini dengan keberanian dan keteguhan Khalid ibn al-Walid dalam menghadapi musuh. Beliau menyebutkan bahawa seruan "Ya Muhammadah" adalah cara untuk menunjukkan betapa Khalid sangat menghormati Nabi SAW dan meyakini bahawa dengan menyebut nama Baginda, ia adalah jalan untuk mendapatkan pertolongan Allah dalam peperangan.</p>
<p>Terdapat satu riwayat athar bahawa lelaki yang dikatakan Sahabat Nabi iaitu Bilal ibn al-Harith al-Muzani RA yang <i>beristighathah</i> meminta kepada Nabi SAW selepas kewafatan Nabi SAW. Perbuatan Sahabat ini diperakui oleh ‘Umar al-Khattab RA. Sanad athar ini adalah sahih.</p> <p>ومن أدلة الاستغاثة بالنبي صلى الله عليه وسلم ما رواه الحافظ البيهقي (٦) أيضا بإسناد صحيح عن مالك الدار - وكان خازن عمر - قال: { أصاب الناس قحط في زمان عمر، فجاء رجل إلى قبر النبي صلى الله عليه وسلم فقال: { يا رسول الله استسق لأمتك فإنهم قد هلكوا، فأبى الرجل في المنام - أي رأى النبي صلى الله عليه وسلم في المنام - فقيل له: أقرئ عمر السلام وأخبره أنهم يسقون وقل له: عليك الكيس الكيس،</p>	<p>Sanad ini tidak sahih dan riwayat ini tidak sahih. Antara pertikaian terhadap riwayat ini adalah kejahilan lelaki yang datang ke kubur Nabi SAW. Juga masalah dalam sanad iaitu Malik ibn al-Dar.</p> <p>Menurut Nasiruddin al-Albani dalam kitabnya al-Tawassul, beliau menekankan bahawa kisah daripada atsar ini tidak boleh diterima kesahihannya kerana perawinya yang bernama Malik al-Dar tidak diketahui akan sifat adil dan <i>dhabit</i>. Sedangkan dua sifat itu merupakan syarat utama bagi menentukan kesahihan sebuah hadis. (al-Albani, 1986)</p>

<p>فأتى الرجل عمر فأخبره فبكى عمر وقال: { يا رب ما ءالوا إلا ما عجزت } اهـ. وهذا الرجل هو بلال بن الحرث المزني الصحابي, فهذا الصحابي قد قصد قبر الرسول للتبرك فلم ينكر عليه عمر ولا غيره</p> <p>Maksudnya: Dari dalil-dalil tentang meminta pertolongan kepada Nabi SAW, antara yang diriwayatkan oleh al-Hafiz al-Baihaqi, juga dengan sanad yang sah dari Malik al-Daar - yang merupakan penjaga harta Umar - berkata: "Pada zaman Umar, manusia dilanda kemarau. Maka datanglah seorang lelaki ke kubur Nabi SAW lalu berkata: 'Wahai Rasulullah, mintalah hujan untuk umatmu kerana mereka telah binasa.' Maka lelaki itu bermimpi - iaitu melihat Nabi SAW dalam mimpi - lalu diperintahkan kepadanya: 'Ucapkan salam kepada Umar dan beritahu beliau bahawa mereka akan diberi hujan. Katakan kepadanya: 'Anda sudah dikepung dengan kebijaksanaan.' Maka lelaki itu mendatangi Umar dan memberitahunya. Umar menangis dan berkata: 'Wahai Tuhan, mereka tidak meminta kecuali apa yang saya tidak mampu lakukan.' Dan lelaki ini adalah Bilal bin al-Harits al-Muzani, seorang sahabat. Maka sahabat ini mendatangi kubur Rasulullah untuk mendapatkan keberkatan, dan Umar atau sesiapa pun tidak mengkritiknya.</p>	<p>Para Sahabat RA menghadapi pelbagai masalah namun mereka tidak berdoa meminta kepada Nabi SAW.</p>
<p>Kisah tentang seorang pelaku maksiat yang bermimpi bertemu dengan Nabi Muhammad SAW dan memohon kepada Baginda untuk berdoa adalah satu cerita yang sering dikaitkan dengan tawassul atau perantara doa. Ia biasanya diceritakan dalam konteks untuk menunjukkan keberkatan Nabi SAW dan bagaimana seorang yang berdosa boleh berharap kepada Allah melalui keberkatan Nya.</p>	<p>Cerita tentang seorang pelaku maksiat yang bermimpi bertemu Nabi SAW dan meminta Baginda untuk berdoa tidak boleh dianggap sebagai sumber hukum. Walaupun mimpi tersebut mungkin berlaku dalam konteks yang baik, kita harus berhati-hati dalam mengambilnya sebagai hujah. Dalam Islam, doa dan pertolongan harus diserahkan sepenuhnya kepada Allah SWT, dan bukan meminta pertolongan langsung dari Nabi SAW selepas kewafatan Baginda.</p> <p>Al-Syatibi berkata: "Dan yang paling lemah hujahnya di antara mereka adalah golongan yang bersandar kepada mimpi dalam mengambil amal perbuatan, lalu mereka menerima dan menolak sesuatu kerana mimpi tersebut."(al-Syatibi, 1992)</p>

Berdasarkan pengamatan, semua nas al-Quran, riwayat hadis, riwayat athar dan cerita tidak mempunyai cara penghujahan(*istidlal*) yang tepat untuk dikaitkan dengan amalan *istighathah*. Jika terdapat riwayat yang jelas, namun ia dipertikaikan pula kesahihannya oleh para ulama yang lain (Faisal ibn Qizar al-Jasim, 2007). Justeru itu, meminta kepada mayat adalah tidak sabit dalam nas syarak. Jika sabit dalam nas syarak namun ia masih dalam pertikaian para ulama. Manakala berdoa meminta kepada Allah adalah sabit dalam nas syarak.

4.2 Kebiasaan Dalam Masyarakat

Dalam amalan masyarakat muslim di Malaysia, doa diminta kepada Allah. Tiada amalan masyhur yang diamalkan oleh masyarakat muslim untuk meminta sesuatu hajat doa kepada mayat. Ini kerana masyarakat Islam berdoa kepada Allah agar mayat diampuni dosa dan dicucuri rahmat. (Mohsin, U., 1998).

Dalam ziarah kubur, masyarakat muslim berdoa kepada Allah untuk kebaikan mayat. Dalam majlis tahlil, masyarakat muslim berdoa kepada Allah agar mayat diampunkan dosa dan diluaskan kuburnya. Kebiasaan ini termasuk dalam konsep adat sebagai asas kepada hukum (العادة محكمة) (Jalal al-Din al-Suyuti, 1998).

Namun agak ganjil kedengaran untuk masyarakat meminta bantuan orang mati. Bahkan terdapat pendapat menolak amalan meminta bantuan daripada mayat (Zulkifli al-Bakri, 2015).

4.3 Kejelasan Maksud

Amalan berdoa meminta kepada Allah mestilah mempunyai maksud yang jelas iaitu hamba berdoa meminta kepada Allah. Manakala amalan *istighathah* mempunyai beberapa maksud yang pada zahirnya tidak jelas. Antara maksud zahir yang tidak jelas ialah pengamal *istighathah* meminta hajat kepada mayat agar mayat berdoa pula kepada Allah. Ini kerana pengamal *istighathah* adalah muslim. Justeru itu, hendaklah ditetapkan maksud yang sesuai dengan keimanan muslim. (Mohsin, U., 1998).

Dalam hal ini, kesamaran maksud berlaku pada amalan *istighathah*. Dengan meminta kepada mayat agar mayat berdoa pula kepada Allah, ia zahirnya tidaklah berdoa meminta kepada mayat. Ini kerana mayat adalah sebagai perantara sahaja antara pengamal *istighathah* dengan Allah. Namun lafaz terus meminta kepada mayat pula tanpa Allah menunjukkan secara zahir bahawa pengamal *istighathah* tidak lagi meminta doa kepada Allah. Tafsiran sebahagian sarjana bahawa ia masih tetap berdoa meminta kepada Allah adalah tafsiran sahaja sedangkan hakikatnya berkemungkinan tidak sebegitu. Ini kerana hati dan keyakinan setiap insan adalah berbeza. (Zulkifli Mohamad al-Bakri, 2015).

4.4 Meminta Tolong Dengan Orang Hidup Dan Orang Mati

Meminta pertolongan kepada orang hidup sabit dalam nas al-Quran. Contohnya:

وَتَعَاوَنُوا عَلَى الْبِرِّ وَالتَّقْوَىٰ ۗ

Maksudnya:

“Dan tolong-menolonglah atas kebaikan dan taqwa”.

Surah al-Maidah (5) : 2

Dalam riwayat hadis dan sirah kehidupan Nabi SAW, amalan meminta bantuan dan pertolongan daripada orang hidup diamalkan. Maka terdapat riwayat hadis agar membantu orang yang dizalimi dan orang yang melakukan kezaliman. (Zakaria, M. B. D., 1996).

Manakala meminta pertolongan kepada orang mati adalah tidak sabit dalam nas al-Quran dan riwayat hadis Nabi SAW.

Terdapat pandangan bahawa tiada perbezaan antara orang hidup dengan orang mati. Ini kerana orang hidup tidak berkuasa sebagaimana orang mati juga tidak berkuasa. Keyakinan bahawa harus meminta pertolongan orang hidup dan tidak harus meminta pertolongan orang mati seolah-olah orang hidup mampu memberi manfaat. Ini juga adalah syirik (Mustaffa Suhaimi, 1994).

Pandangan ini ada asasnya. Menurut pengkaji, nas al-Quran dan riwayat hadis menunjukkan dengan jelas bahawa Nabi SAW meminta pertolongan daripada orang hidup. Dalam kehidupan dunia sebagai perbandingan, meminta bantuan doktor yang masih hidup adalah diamalkan namun meminta bantuan doktor yang telah mati adalah tidak diamalkan. Dalam Islam, Islam menyuruh agar dilakukan perubatan, maka Nabi SAW menyarankan para Sahabat untuk mendapatkan bantuan ahli perubatan yang hidup pada masa tersebut. Walau bagaimanapun, tiada riwayat bahawa kaedah perubatan adalah dengan meminta bantuan orang mati.

Oleh itu, ada perbezaan antara orang hidup di bumi dengan orang mati. Islam menganjurkan agar diminta bantuan orang hidup di bumi namun Islam tidak mengajar untuk meminta bantuan orang mati.

4.5 Tasyabbuh Zahir Dengan Amalan Agama Bukan Islam

Berdoa kepada Allah tidak mempunyai *tasyabbuh* (persamaan) zahir dengan amalan orang kafir dalam berdoa. Jika wujud *tasyabbuh* sekalipun, ia masih dalam perintah Allah atau perintah agama. Maka tiada kesalahan dalam berdoa kepada Allah walaupun mungkin ada *tasyabbuh* zahir dengan amalan agama yang lain.

Manakala amalan *istighathah* mempunyai ciri tasyabbuh dengan amalan orang kafir dalam berdoa. Antaranya ialah berdoa kepada benda yang berada di hadapan. Dalam agama tertentu, berdoa adalah dengan berada di hadapan patung seperti patung Jesus atau patung Dewa tertentu. Manakala amalan *istighathah* pada kebiasaannya adalah dengan berada di hadapan kubur. Ada masanya dengan berdoa meminta kepada orang mati yang tidak berada di situ. Dalam agama tertentu, berdoa kepada patung namun di sebalik patung tersebut terdapat ruh tertentu. Juga berdoa kepada orang soleh yang sudah meninggal dunia. Ini sama dengan amalan *istighathah* di mana ada ruh mayat yang mendengar dan berdoa kepada Allah (Mohamad Fairouz Fathillah & Mohamad Nidzam Abd Kadir, 2024).

Maka persamaan zahir ialah tidak berdoa kepada Tuhan tetapi berdoa meminta kepada makhluk samada mayat atau patung berhala.

4.6 Kegelinciran Aqidah

Berdoa terus kepada Allah adalah tauhid yang suci dan murni. Tiada kegelinciran aqidah. Manakala amalan *istighathah* dibimbangi membawa kepada kegelinciran aqidah. Ini kerana kemungkinan pengamal *istighathah* yakin bahawa mayat tersebut yang mengabulkan doa,

bukan Allah. Dalam aqidah ahli sunnah wa al-jamaah, makhluk tidak mempunyai kuasa untuk memberi manfaat dan memberi mudharat. Maka muslim yang melakukan *istighathah* tidak akan melakukan syirik kerana tetap yakin bahawa Allah sahaja. Namun begitu, tidak semua umat Islam memahami perkara ini dengan sebaiknya. Maka dengan amalan *istighathah* ini, amat dibimbangi bahawa muslim yang melakukannya akan berkeyakinan bahawa makhluk yang mati itu dapat memberi manfaat. (Zakaria, M. B. D., 1996).

Terdapat dua pendapat yang berbeza dalam kalangan para ulama. Satu pendapat menyatakan bahawa amalan *istighathah* adalah harus (Mohd Khafidz bin Soroni, 2021) manakala satu lagi pendapat ulama menyatakan bahawa amalan *istighathah* adalah haram dan syirik (Ibn Rajab al-Hanbali, 1999). Dengan dua pendapat ulama yang berbeza ini, pengamalan *istighathah* perlu kepada penelitian yang ketat.

4.7 Keraguan

Berdoa kepada Allah adalah amalan yang tidak meragukan manakala amalan *istighathah* mempunyai keraguan. Keraguan ini antaranya kerana pertikaian yang wujud dalam kalangan para ulama. Panduan Nabi SAW ialah meninggalkan perkara yang meragukan (دع ما يريك إلى ما لا يريك) (Ibn Rajab al-Hanbali, 1999).

Dalam hadis halal dan haram, ada satu perkara yang disebut perkara meragukan (مشتبهاً). Panduan Nabi SAW adalah meninggalkan perkara yang meragukan (Ibn Rajab al-Hanbali, 1999):

... فمن اتقى الشبهات فقد استبرأ لدينه وعرضه ، ومن وقع في الشبهات وقع في الحرام ...

Maksudnya:

“...maka sesiapa yang memelihara dari kesamaran/keraguan maka dia telah membersihkan bagi agamanya dan maruahnya. Dan sesiapa yang jatuh dalam kesamaran/keraguan maka dia jatuh dalam keharaman...”.

Analisa Perbandingan Berdasarkan Beberapa Piawaian

PIAWAIAN	BERDOA KEPADA ALLAH	AMALAN <i>ISTIGHATHAH</i>
Kesabitan dalam nas syarak	Sabit dalam nas syarak.	Tidak sabit secara soreh (jelas) dalam nas syarak.
Kebiasaan masyarakat	Menjadi amalan masyarakat.	Tidak menjadi amalan masyarakat. Jika diamalkan, ia dalam kelompok kecil dan tidak dihebohkan.
Kejelasan maksud	Maksud adalah jelas.	Wujud kesamaran dalam maksud.
Pertolongan diminta kepada siapa	Meminta tolong kepada Allah yang maha hidup.	Meminta tolong kepada mayat yang sudah mati.
<i>Tasyabbuh</i> (persamaan) zahir	Tiada <i>tasyabbuh</i> dengan agama yang lain. Jika wujud <i>tasyabbuh</i> , berdo'a kepada Allah adalah disuruh dalam agama.	Wujud <i>tasyabbuh</i> zahir dengan amalan agama lain.
Kegelinciran aqidah	Tiada kebimbangan berlakunya kegelinciran aqidah.	Wujud kebimbangan berlakunya kegelinciran aqidah.
Keraguan	Tiada keraguan.	Wujud keraguan.

Berdasarkan tujuh piawaian ini, adalah jelas bahawa amalan *istighathah* mempunyai masalah. Berdasarkan masalah tersebut, adalah sewajarnya bahkan yang sewajarnya amalan *istighathah* iaitu meminta hajat kepada orang mati dijauhi oleh umat Islam (Zakaria, M. B. D., 1996).

KESIMPULAN

Terdapat perbezaan pendapat ulama dalam isu *istighathah* (meminta kepada Nabi SAW selepas kewafatan Nabi dan meminta kepada mayat). Ada pendapat ulama membenarkannya dan ada pendapat ulama mengharamkannya. Bagi keselamatan iman dan aqidah, adalah perlu dan wajar untuk umat Islam kekal berdo'a kepada Allah tanpa perlu kepada amalan *istighathah*. Tiada kerugian bagi umat individu muslim dan umat Islam jika amalan *istighathah* ditinggalkan. Tiada keuntungan bagi individu muslim dan umat Islam jika amalan *istighathah* dilakukan bahkan dibimbangi berlaku kegelinciran aqidah. Para ulama dan para pendakwah sepatutnya menekankan amalan yang jelas dalam agama kepada umat Islam. Pada masa yang sama, tidak seharusnya dituduh syirik terhadap muslim yang memohon bantuan Nabi SAW kerana masih terdapat khilaf para ulama. Namun begitu, amalan terbaik yang tiada khilaf dalam kalangan umat Islam adalah berdo'a meminta kepada Allah, bukan meminta kepada Nabi SAW yang sudah wafat atau muslim yang sudah meninggal dunia.

RUJUKAN

- Ahmad ibn Syu'aib al-Nasai. (1996). Sunan al-Nasai. Qaherah: Dar al-Hadith.
- Ahmad al-Ayid. (1989). al-Mu'jam al-'Arabi al-'Asasi. Munazzomah al-'Arabiyyah: Larus.
- Awaludin Hakim. (2017). Doa dalam Perspektif al-Qur'an Kajian Tafsir Ibnu Katsir dan Tafsir Al-Azhar. Jurnal Al-Fath, Vol. 11 No. 1, 2017, hal. 50.
- Faisal ibn Qizar al-Jasim. (2007). Tajrid al-Tauhid Min Daroni al-Syirk wa Syubah al-Tandid. Kuwait: al-Mibrat al-Khayriyyah.
- Ibn Hajar al-'Asqalani. (1996). Fath al-Bari. Qaherah: Dar al-Hadith.
- Ibn Katsir. (2023). Tafsir Ibnu Katsir (Terjemahan Bahasa Melayu). Kuala Lumpur: Telaga Biru Sdn. Bhd.
- Ibn Rajab al-Hanbali. (1999). Jami' al-'Ulum wa al-Hikam. Qaherah: Dar al-Manar.
- Ibrāhīm ibn Mūsā ibn Muḥammad al-Syatibi. (1996) al- I'tiṣām. Arab Saudi: Dar ibn Affan.
- Jalal al-Din al-Suyuti. (1998). al-Asybah wa al-Nazoir. Qaherah: Dar al-Salam.
- K.H.M. Syafii Hadzami. (2015). Soal Jawab Agama. Kuala Lumpur: Victory Agencie.
- Mohd Khafidz Soroni. (2021). Hukum Istighasah kepada Nabi SAW. Fitrah Islami Online. Retrieve from <https://fitrahislami.wordpress.com/tag/istighathah/>.
- Mohsin, U. (1998). Tawassul: Amara yang Disyariatkan dan yang Dipertikaikan. Islamiyyat, 18-19: 35-45.
- Mohamad Fairouz Fathillah & Mohamad Nidzam Abd Kadir. (2024). *Istighathah: Suatu Analisis Berdasarkan Piawaian Perbandingan*. Prosiding Isu-isu kontemporari dalam pengajian dakwah dan usuluddin. FPPI: UIS.
- Muhammad Shahrulnizam Muhadi. (2018). Hukum berdo'a menjadi hebat seperti tokoh besar. Al-Kafi lil al-Fatwa. Retrieve from <https://muftiwp.gov.my/en/artikel/al-kafi-li-al-fatawi/2279-al-kafi-707-hukum-berdo-a-menjadi-hebat-seperti-tokoh-besar>.
- Mursalim. (2011). Doa dalam perspektif al-Quran. Jurnal Al-Ulum, Vol. 11 No. 1, 2011, Hal. 65.
- Mustafa Abu Yusuf. (1950). Ghauth al-'Ibad bi Bayan al-Rasyad. Qaherah: Mustafa al-Halabi, 1950.
- Mustaffa Suhaimi. (1994). Salah-Faham Tentang Bidaah dan Syirik. Ulu Kelang: Progressive Publishing House.
- Nāṣir al-Dīn al-Albānī. (1986). al-Tawassul Anwā'uhu wa Ahkāmuhu. Riyadh: Maktabah al-Ma'arif.
- Sirajuddin 'Abbas. (1996). Iktiqad Ahli Sunnah wa al-Jamaah. Kota Bharu: Pustaka Aman Press.
- Wahbi Sulaiman Ghawaji. (1980). al-Syahadatani Wa Ahkamuhuma. Muassasah al-Risalah: Beirut. Cet: I, h. 57.
- Zulkifli Mohamad al-Bakri. (2015). Bayan Linnas Siri Ke-13: Adab Islam Bagi Menghadapi Kematian. Retrieve from <https://www.muftiwp.gov.my/ms/artikel/bayan-linnas/2588-bayan-linnas-siri-ke-13-adab-islam-bagi-menghadapi-kematian>.
- Zakaria, M. B. D. (1996). Tawassul Dengan Roh Para Wali: Huraian Dan Ulasannya. Jurnal Usuluddin, 2(4).